

Sasaran 50 peratus pekerja berkemahiran tinggi 2020

Oleh JULIA ISMAIL
julia.ismail@kosmo.com.my

PUTRAJAYA - Kementerian Sumber Manusia merancang menambah komposisi pekerja berkemahiran tinggi daripada 28 peratus kepada 33 peratus pada 2015 dan mencapai tahap 50 peratus menjelang 2020.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. S. Subramaniam berkata, bagi merealisasikan usaha itu kerajaan memperuntukkan RM1.7 bilion setiap tahun untuk melahirkan individu yang berkemahiran tinggi.

"Jika kita kumpul peruntukan yang diberi kepada beberapa agensi kerajaan, institusi kerajaan dan program khusus, kita

telah belanjakan jumlah sebesar itu setiap tahun dalam bidang kemahiran," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri di sini semalam.

Pemenang anugerah Tangan Emas Perdana Menteri tahun ini dirangkul oleh Gram Kee Chun, 19, dan Muhammad Hazik Zulkarnain Md. Lukman, 19, masing-masing dari Institut Latihan Perindustrian Ulu Langat dan berjaya membawa pulang wang tunai RM5,000 berserta trofi.

Kedua-dua mereka akan mewakili negara ke Pertandingan Kemahiran ASEAN 2012 di Jakarta dan jika berjaya akan mewakili Malaysia ke Pertandingan

Kemahiran Dunia 2013 di Leipzig, Jerman.

Menurut Subramaniam, sebanyak 3.3 juta tenaga kerja diperlukan menjelang 2020 di mana 50 peratus daripadanya adalah pekerja berkemahiran tinggi.

"Komposisi pekerja berkemahiran tinggi kini berada pada paras 28 peratus," katanya.

Selain itu, katanya, kerajaan juga akan menganjurkan lebih banyak pertandingan bagi melahirkan tenaga kerja mahir berprestasi tinggi.

Pada tahun ini sebanyak 15 bidang kemahiran dipertandingkan dalam pertandingan MySkills manakala 26 bidang kemahiran dipertandingkan dalam Pertandingan Kemahiran Malaysia.



MUHAMMAD HAZIK (kiri) dan Kee Chun menunjukkan trofi yang dimenangi pada majlis Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri di Putrajaya semalam.